

UMP, PCHEBUST tawar program dwijjazah

BERITA HARIAN (BARIS) 9 FEBRUARI 2017 M/S 14

Pekan: Universiti Malaysia Pahang (UMP) memeterai perjanjian dengan Polytechnic College of Hebei University of Science & Technology (PCHEBUST), China bagi menawarkan program dwijjazah.

Menerusi kerjasama itu, UMP dan PCHEBUST akan menawarkan tiga program iaitu Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Awam, Sarjana Muda (Kepujian) Kejuruteraan Elektrik (Elektronik) dan Sarjana Muda Sains Komputer (Sistem Komputer & Rangkaian) dengan kepujian.

Kerjasama itu dijalin menerusi memorandum perjanjian (MoA) yang ditandatangani Naib Canselor UMP, Prof Datuk Dr Daing

Nasir Ibrahim dan Setiausaha Cawangan PCHEBUST, Ma Yinfeng pada majlis itu di sini, baru-baru ini.

Perkukuh hubungan

Yang turut hadir Pengarah Pejabat Antarabangsa HEBUST, Liu Jia dan Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) UMP, Prof Datuk Dr Rosli Mohd Yunus, Dekan Fakulti Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian (FSKPP) UMP, Prof Dr Kamal Zuhairi Zamil, Dekan Fakulti Kejuruteraan Awam dan Sumber Alam UMP, Dr Mohamad Idris Ali dan Pengarah Pusat Kebudayaan dan Bahasa Mandarin (MLCC), Yong Ying Mei.

Prof Daing Nasir berkata, sebagai sebuah universiti teknikal, UMP komited dalam memperkukuh hubungan baik antara universiti di persada antarabangsa.

Beliau berkata, hubungan kerjasama antara UMP dengan institusi pendidikan di China sudah berjalan sejak tujuh tahun sehingga tertubuhnya Pusat Bahasa Mandarin dan Kebudayaan (MLCC) hasil hubungan baik dengan Hebei University pada 2011.

Katanya, UMP juga akan berkongsi kepakaran dengan memperkenalkan program Preparatory Intensive English (PiE) dalam mempertingkatkan penguasaan

bahasa Inggeris pelajar.

"Hasil daripada program kerjasama akademik itu juga akan memberi peluang kepada UMP dalam meningkatkan jumlah enrolmen pelajar antarabangsa di universiti ini serta mempromosikan nama UMP pada peringkat antarabangsa terutama di China.

"Selain program kerjasama akademik, jalinan itu turut membabitkan bidang penyelidikan, mobiliti dan pertukaran staf, malah bakal meningkatkan nilai lepasan graduan UMP dalam industri pasaran kerja sama ada di Malaysia ataupun di China pada masa akan datang," katanya.



Daing Nasir (kiri) dan Ma Yinfeng bertukar dokumen MoA.